


Badang negara mampu sumbang emas di Birmingham

Kosmo!

MS:45

16/6/2022



MUHAMMAD AZNIL mampu menuai emas buat Malaysia dalam kategori 61kg pada Sukan Komanwel Birmingham 2022 yang bermula pada 28 Julai hingga 8 Ogos depan.

Oleh **MUHAMMAD RIDUAN MOHD. HANAFIAH**

PENGURUS skuad angkat berat negara, Amirul Hamizan Ibrahim percaya sebutir pingat emas mampu dituai skuad angkat berat negara menjelang temasya Sukan Komanwel Birmingham yang bermula pada 28 Julai hingga 8 Ogos depan.

Katanya, sasaran satu pingat emas dan dua perak yang diletakkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dianggap realistik memandangkan hanya tujuh atlet berjaya melayakkan diri ke temasya sukan berkenaan.

"Selepas melihat prestasi atlet negara di Sukan SEA Vietnam 2021 yang lalu, saya yakin

atlet negara mampu menyumbang pingat emas buat kontinjen Malaysia di Sukan Komanwel nanti.

"Kita menasakatkan Muhammad Aznil Bidin mampu menuai emas buat Malaysia dalam kategori 61 kilogram, manakala dua pingat perak lagi menerusi Mohamad Aniq Kasdan bagi kategori 55 kilogram (kg) dan Muhammad Erry Hidayat (73kg).

"Meskipun Aniq dan Erry kali pertama beraksi di Sukan Komanwel, namun saya yakin kedua-dua jaguh negara itu mampu melakukan kejutan di Birmingham nanti" katanya kepada *Kosmo!* ketika ditemui selepas Mesyuarat Jawatankuasa Komanwel di Wisma MOM kelmarin.

Ketika ditanya mengenai cabaran di Sukan Komanwel, Amirul yang juga merupakan pemenang Sukan Komanwel 2002 di Manchester mengakui pihaknya telah mengenal pasti negara-negara yang bakal memberi tentangan sengit.

"Sebelum menuju ke Sukan Komanwel saya telah melakukan pemantauan terutama negara-negara Ocenia dan juga seperti India. Kita juga melihat kedudukan ranking semasa mereka dan kejohanan yang mereka sertai dari semasa ke semasa.

"Justeru, saya lihat atlet negara mempunyai kemampuan dan mereka mampu membawa pulang pingat buat Malaysia nanti," ujarnya.